

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Semasa Lawatan Rasmi TYT Jeneral (B) Prayut Chan-ocha, Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 1 Disember 2014, beliau telah menyatakan komitmen Kerajaan Thailand terhadap proses damai Selatan Thailand. Beliau menegaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut. Beliau turut melahirkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai fasilitator.

3. YAB Perdana Menteri pula menekankan kepentingan bagi mendapatkan kepercayaan dan keyakinan penduduk Selatan Thailand terhadap proses damai tersebut, khususnya jaminan bahawa kumpulan-kumpulan berkenaan bebas dari ancaman tindakan ketenteraan dan tangkapan oleh Kerajaan Thailand. Ini adalah penting agar semua pihak selamat dan selesa untuk tampil ke meja rundingan tanpa rasa terancam atau takut.

4. Sehubungan ini, Malaysia sebagai fasilitator kepada proses damai tersebut akan terus komited untuk meneruskan proses konsultasi dengan pihak-pihak yang berkenaan di Selatan Thailand dan juga pihak kerajaan Thailand ke arah menyambung semula proses rundingan damai.

5. Kerajaan Malaysia juga akan terus komited membantu dalam program bina upaya untuk masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam bidang pendidikan, latihan vokasional dan keusahawanan melalui mekanisme dua hala sedia ada khususnya melalui Jawatankuasa *Joint Development Strategy for Border Areas* (JDS). Ianya dilaksanakan melalui inisiatif 3E (Education, Entrepreneurship and Employment).

Sekian, terima kasih.